JELAJAH ANTI SCAM KEBANGSAAN 2023

Disokong oleh

KEMENTERIAN
KOMUNIKASI DAN DIGITAL

Pesanan Khidmat Masyarakat oleh

CyberSecurity MALAYSIA

celcomdigi

Dengan kerjasama

MCMC

ABIM

MCCA
MALAYSIA CYBER CONSUMER ASSOCIATION

PERSATUAN SISWAZAH WANITA MALAYSIA

SYNTX

WADAH

SIBER MALAYSIA MADANI

20th Edition
Safer Internet Day 2023

PENGENALAN

Penggunaan internet secara bertanggungjawab memberikan kebaikan dalam hidup kita. Sebagai penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan digital, CelcomDigi mempunyai tanggungjawab untuk membina kemahiran penggunaan internet yang lebih selamat. Ini membantu masyarakat mengenal pasti dan mengelak dari menjadi mangsa ancaman siber.

Sempena Hari Keselamatan Internet 2023, kami telah menyediakan buku panduan ini untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penggunaan internet yang lebih selamat. Buku panduan ini merangkumi kepentingan privasi dan data peribadi, risiko perkongsian secara berleluasa dalam talian, pembulian siber dan pelbagai jenis scam.

KETAHUI, SEMAK ATAU LAPOR MENGENAI SCAM

FACEBOOK RASMI
JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL
POLIS DIRAJA MALAYSIA

be SMART stay ALERT

NATIONAL SCAM RESPONSE CENTER (NSRC)

Hubungi:
997
8 pagi - 8 malam (Setiap hari)

SEMAKMULE

Muat turun aplikasi **CHECK SCAMMERS CCID** di Google Play Store

CCID INFOLINE

Whatsapp kami:
013-2111 222
8 pagi - 12 t/malam(Setiap hari)

AKAUN RASMI

Dapatkan maklumat terkini di:
@JSJKPDRM
@CYBERCRIMEALERTRMP
facebook

APA ITU WANGIRI?

Ia memperdaya mangsa dengan meninggalkan notifikasi panggilan tak dijawab. Panggilan ini hanya berdering sekali dan berhenti.

BAGAIMANA PENIPU BEROPERASI?

- Membuat panggilan singkat daripada nombor antarabangsa.
- Mangsa menelefon balik dan dikenakan caj kadar premium.
- Mangsa akan ditahan di talian selama yang mungkin.
- Lebih lama mangsa di talian, lebih banyak pendapatan penipu.

APA YANG PERLU DITELITI?

Panggilan tak dijawab, selalunya daripada nombor antarabangsa.

BAGAIMANA ANDA HARUS BERTINDAK?

- Elak menelefon semula nombor antarabangsa yang tidak dikenali.
- Jangan kongsi maklumat peribadi anda.
- Lapor nombor tersebut kepada penyedia perkhidmatan anda.

APA ITU PENIPUAN SMS?

SMS daripada nombor yang tidak dikenali untuk mempromosikan perniagaan/ perkhidmatan langganan. Ia bertujuan mencuri maklumat peribadi/ wang anda.

BAGAIMANA PENIPU BEROPERASI?

Penipu mempromosikan perkhidmatan langganan SMS yang mengenakan caj harian/ mingguan/ bulanan. Mereka akan cuba memperdaya mangsa supaya berkongsi maklumat peribadi seperti butiran perbankan.

APA YANG PERLU DITELITI?

- Tawaran daripada nombor yang tidak dikenali/ kod pendek.
- SMS yang mengandungi pautan luaran.
- Ugutan/ amaran palsu seakan daripada agensi penguatkuasa/ institusi kewangan.

BAGAIMANA ANDA HARUS BERTINDAK?

- Jangan melanggan sebarang perkhidmatan daripada SMS yang mencurigakan.
- Jangan klik sebarang pautan dalam SMS tersebut.
- Lapor nombor penghantar SMS tersebut kepada penyedia perkhidmatan anda.
- Semak maklumat SMS dengan bank/ agensi berkenaan

APA ITU PANGGILAN PALSU ATAU MEMANCING DATA?

Panggilan daripada penipu bertujuan mencuri wang/ maklumat peribadi anda.

TERIMA PANGGILAN | TOLAK PANGGILAN

BAGAIMANA PENIPU BEROPERASI?

Penipu menggunakan pelbagai cara untuk mencuri maklumat peribadi seperti butiran perbankan. Antaranya termasuklah:

- Intimidasi (dengan menyamar sebagai seseorang daripada agensi penguatkuasa/ institusi kewangan).
- [redacted]
- Menyamar sebagai seseorang yang mungkin dikenali.

APA YANG PERLU DITELITI?

Pemanggil yang mengatakan mereka adalah pihak berkuasa, pegawai tempatan, bank/ perkhidmatan telemarketing.

BAGAIMANA ANDA HARUS BERTINDAK?

- Jangan kongsi sebarang maklumat peribadi/ kod OTP.
- Jangan percaya tawaran yang terlalu hebat, terutamanya daripada pemanggil tidak dikenali.
- Rujuk pada laman rasmi/ kedai yang sah untuk mengesahkan sebarang promosi.
- Lapor nombor tersebut kepada penyedia perkhidmatan anda.
- Hubungi pihak bank/ penguatkuasa tempatan dan sahkan maklumat yang diterima.

INSTALLING NOW...

APA ITU PENIPUAN MEDIA SOSIAL?

Penipu menawarkan promosi menarik melalui profil/ laman palsu dalam talian.

BAGAIMANA PENIPU BEROPERASI?

Penipu menggunakan pelbagai taktik untuk mencuri maklumat peribadi seperti butiran perbankan. Antaranya termasuklah:

- Menawarkan promosi yang menarik di akaun media sosial, laman web & platform membeli-belah yang palsu.
- Menghubungi mangsa dan menawarkan kad hadiah percuma.
- Menggunakan profil palsu untuk memikat mangsa melalui aplikasi temu janji.

APA YANG PERLU DITELITI?

- Tawaran yang dinyatakan terlalu hebat.
- Akaun/ profil yang kelihatan palsu atau tidak konsisten.

BAGAIMANA ANDA HARUS BERTINDAK?

- Jangan kongsi sebarang maklumat peribadi/ kod OTP.
- Rujuk pada laman rasmi/ kedai yang sah untuk mengesahkan sebarang promosi.
- Hubungi pihak bank/ penguatkuasa tempatan dan sahkan maklumat yang diterima.

APA ITU "MALWARE"?

Perisian berbahaya yang tersembunyi sebagai aplikasi yang sah di telefon anda.

IMBAS VIRUS SEKARANG!

BAGAIMANA "MALWARE" BEROPERASI?

Perisian "malware" dalam telefon kebiasaannya tidak dapat dikesan. Ia beroperasi secara senyap, mencuri maklumat peribadi dan boleh mengaktifkan kamera dan mikrofon tanpa pengetahuan anda.

APA YANG PERLU DITELITI?

- Muncul iklan pada telefon anda.
- Bateri telefon anda cepat habis.
- Aplikasi dan caj yang tidak diketahui.

BAGAIMANA ANDA HARUS BERTINDAK?

- Hanya muat turun aplikasi dari laman aplikasi yang rasmi.
- Kemas kini peranti anda.
- Imbas peranti anda untuk mengesan virus dan padam aplikasi secara manual atau set semula peranti pada tetapan kilang.

TIPS KESELAMATAN INTERNET

TIP KESELAMATAN INTERNET MELAWAN LAMAN WEB BERNIAT JAHAT

- Awas ketika klik pada laman web yang tidak dikenali (perhatikan URL) dan 'pop up' terutamanya jika ada tawaran yang mencurigakan.
- Pasang penyekat iklan yang boleh dipercayai pada pelayar web anda.
- Kerap semak imbas peranti anda untuk sebarang perisian hasad (Malware).

Jom jadikan Internet ruang yang lebih selamat!
Ketahui lebih lanjut di: SafeInternet.my

TIPS KESELAMATAN INTERNET

TIPS KESELAMATAN INTERNET MELAWAN PENIPUAN BELIAN:

- Berwaspada dengan penipuan promosi tawaran luar biasa.
- Berwaspada dengan permintaan bayaran ke akaun peribadi. Hanya berurusan melalui platform pembelian rasmi.
- Selalu semak 'review' pembeli lain untuk pastikan penjual boleh dipercayai.

Jom jadikan Internet ruang yang lebih selamat!
Ketahui lebih lanjut di: SafeInternet.my

TIPS KESELAMATAN INTERNET

TIP KESELAMATAN INTERNET MELAWAN PEMBULIAN SIBER:

- Amalkan kesopanan apabila meninggalkan komen dalam talian, sama seperti anda bercakap secara bersemuka.
- Kenali istilah atau kata-kata yang mungkin menghina atau menyinggung perasaan orang lain.
- Suarakan jika anda melihat sesiapa yang sedang dibuli atau diganggu di alam siber.

Jom jadikan Internet ruang yang lebih selamat!
Ketahui lebih lanjut di: SafeInternet.my

TIPS KESELAMATAN INTERNET

TIP KESELAMATAN INTERNET UNTUK KATA LALUAN:

- Pastikan ianya panjang dan dipelbagaikan (8-16 huruf, nombor dan simbol yang berbeza)
- Pastikan ianya sukar diteka (jangan guna maklumat peribadi yang pernah dikongsi)
- Pastikan ianya berbeza untuk semua akaun (kerap tukar dan guna perkhidmatan kata laluan)

Jom jadikan Internet ruang yang lebih selamat!
Ketahui lebih lanjut di: SafeInternet.my



8 Amalan Privasi untuk Melindungi Anak Dalam Talian

1. Mulakan perbualan mengenai privasi lebih awal

2. Gandakan keselamatan peranti dengan kata laluan yang kuat

3. Jangan berikan kebenaran kepada aplikasi untuk mengakses peranti sepenuhnya

4. Sentiasa berfikir panjang sebelum memuat turun dan membuka sesuatu fail

5. Elakkan daripada berkongsi foto atau video yang berlebihan di media sosial

6. Hanya mempercayai laman web yang terdapat ikon berbentuk mangga atau bermula dengan https://

7. Melindungi diri dengan tetapan privasi di media sosial, hadkan akses kepada orang yang dipercayai sahaja

8. Elakkan daripada mendedahkan terlalu banyak maklumat peribadi dalam talian

TIPS KESELAMATAN INTERNET

EDISI 01

Baiki
mentol dalam
beberapa saat
CALL NOW!
SEKURITI
100 CCTV

BYE

Bro, awak semak tak laman web tu tulen atau palsu?
Tak, kenapa pulak?

Macam ni la awak bagi penginti maya tu masuk rumah kita.
Oh, patutlah!

Tip kekal selamat dalam talian
Elakkan perkongsian berlebihan di Internet kerana anda sendiri menjadi risiko keselamatan untuk diri anda.

Berhati-hati dengan 'request' daripada orang yang tak dikenali dalam media sosial.
?
Accept
Decline

Sentiasa berwaspada dengan tawaran luar biasa dan masa terhad.
Mencurigakan
TAWARAN
TEKAN SINI

Semak semula mengenai syarikat atau perkhidmatan sebelum membuat sebarang bayaran.
PALSU
TAWARAN TERHAD

Jom jadikan Internet ruang yang lebih selamat!
Ketahui lebih lanjut di safeinternet.my
CRAZY RICH GUY

JELAJAH ANTI SCAM
Scam Alert!
SAY NO!

TIPS KESELAMATAN INTERNET

EDISI 02



Saya 25 tahun. Saya pengakauntan komputer.
Saya 15 tahun, masih belajar.
Tengah kerja!
Bosan sangat hari ni!
Eh, cantiknya awak! Jom kita jumpa esok nak?
Esok? Betul ke ni?
Ibu Ayah, saya nak keluar jumpa kawan!
Nak jumpa siapa hari ni?
Nama dia bibbidi_bobbido_boo!
Hai, bibbidi_bobbidi_boo!
Hai, xx_chalaheadchala_xx!
Bencilah dengan ibu dan ayah saya! Mereka tak bagi saya datang sini! Saya curi-curi keluar rumah!
Pandailah awak, ini rahsia kita yer.
Apa dia cakap ni?
Kat sini bising sangat la! Jom kita berbual di bilik hotel?
Saya tak nak lah! Tak elok.

Jangan risau, kita borak-borak je, lepas tu buat apa-apa yang biasalah! Percayalah, hotel tu sangat selesa!
Tolong jangan...
Eh, xx_chalaheadchala_xx, awak kat mana?
Ibu awak beritahu saya tentang awak tadi.
Terima kasih! Dan maafkan saya kerana menyusahkan awak semua!
Berhati-hati bila berkenalan dengan orang yang tidak dikenali di dalam talian. Sesetengah mereka mungkin pemangsa seks pedofilia dalam talian!
Padan muka! Jel memang tempat awak, pedofilia!
POLIS
Jom jadikan Internet ruang yang lebih selamat!
Ketahui lebih lanjut di safeinternet.my
CRAZY RICH GUY
HATI! HATI!
JELAJAH ANTI SCAM
Scam Alert!
SAY NO!

KETAHUI LEBIH LANJUT MENGENAI PELBAGAI JENIS SCAM DAN CARA MENGHINDARINYA DI PAUTAN KAMI

Layari
www.digi.my/safe

Celebrating 10 years of Safe Internet

Bersama kita meneraju penggunaan internet yang lebih selamat.

Layari
www.celcom.com.my/support/awas-always-on-scam

Here's what you need to know and how to avoid getting scammed

Wondering what's a Vishing call?
It's when a scammer gets you to share personal info during a call.

Are you a witness to a scam?
We'd like to hear all about it. Report it right here!

Become #AwasAlways today
Learn more & protect yourself from other types of scam here.

Layari
www.digi.my/kekalselamat



Kekal Peka. Kekal Selamat daripada Penipuan